

11/07/2001

Negara teluk minat barangan Malaysia

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata banyak negara teluk dan negara membangun lain yang biasa membeli barangan dari Eropah, Jepun dan Korea, kini beralih kepada Malaysia kerana mutu barangan tempatan yang lebih tinggi.

Perdana Menteri berkata, mereka sekarang berminat membeli barangan dari Malaysia dan sentimen itu disuarakan oleh pemimpin negara terbabit bahkan ada di kalangan mereka secara khusus meminta supaya negara ini membekalkan barangan.

"Oleh itu, kalau kita tingkatkan pelaburan dalam Malaysia di bidang pengeluaran barangan ini, saya yakin bahawa kita dapat mengambil alih daripada kekurangan pelaburan langsung asing (FDI).

"Ini akan menolong menyumbang kepada pembangunan ekonomi kita ketika kita dapati pelaburan asing akan berkurangan," katanya di majlis Dialog Belanjawan 2002 di Putrajaya, semalam.

(END)